

Headline	Cabaran eksport papan lapis ke Jepun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	10,11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	1290 cm²
Journalist	N/A	AdValue	PHP 25,496
Frequency	Daily	PR Value	PHP 91,095



MegaSains

Cabaran eksport papan lapis ke Jepun

Industri perlu bersedia tingkatkan kualiti bagi memenuhi permintaan

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
sains@utusan.com.my

PERMINIATAN papan lapis dunia dijangkakan terus berkembang sejajar dengan kadar pemuliharaan ekonomi negara-negara pengimpor papan lapis utama Malaysia dan antaranya adalah Jepun yang merupakan pembeli terbesar.

Pertumbuhan ekonomi serta kebangkitan aktiviti ekonomi di Jepun memperlakukan peningkatan terhadap permintaan papan lapis yang banyak digunakan dalam pembinaan perumahan dan kempen pengurangan menebang pokok di negara itu.

Menurut penganalisis, harga papan lapis meningkat sejak tahun lepas sebanyak tiga hingga empat peratus dan bakal meningkat sebanyak empat hingga enam peratus pada tahun ini.

Trend peningkatan tersebut dikatakan akan berlanjutan berikutan Jepun akan melonjakkan ekonominya kerana bakal menjadi hos sukan Olimpik menjelang tahun 2020.

Oleh itu, industri papan lapis tempatan digesa untuk bersedia dan mengambil kesempatan tersebut untuk meningkatkan nilai eksport produk tersebut.

Bagaimanapun, sebagai pemain utama industri papan lapis, Malaysia tidak ketinggalan dalam keperluan untuk memenuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Standard Agrikultur Jepun (JAS).

Justeru, satu seminar khas dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk mengetengahkan senario terkini, cabaran dan peluang yang tersedia di pasaran Jepun.

Seminar yang berlangsung selama dua hari tersebut memperlihatkan kehadiran pakar serta pihak yang telibat dalam industri papan lapis.

Pakar dari negara-negara yang terlibat di dalam industri papan lapis turut membentangkan kertas kerja serta

penemuan terbaru berkenaan industri itu.

Pelbagai cabaran dan masalah yang timbul turut diperbincangkan antaranya adalah seperti masalah pencemaran kandungan formaldehid yang rendah di dalam perabot yang menggunakan papan lapis yang diimport.

Menurut wakil PT. Mutuagung Letari, Indonesia, Taiki Otono, sejak tahun 2009 terutamanya pada musim panas, terdapat masalah pencemaran kandungan formaldehid yang rendah pada produk papan lapis di pasaran Jepun.

Katanya, terdapat beberapa produk yang dibeli daripada Malaysia, Indonesia dan China gagal melepas ujian kandungan formaldehid yang dilaksana di Jepun.

"Pada tahun 2009, terdapat satu atau dua produk sahaja yang gagal melepas ujian apabila setiap kali dilakukan, namun sejak tahun 2011, kadar kegagalan produk apabila diuji semakin bertambah."

"Rata-rata produk tersebut diimport dari China. Justeru banyak pengguna di Jepun telah mengadu ke pusat pemeriksaan Jepun agar perkara tersebut diatasi," katanya.

Hal tersebut telah mengundang persoalan dalam kalangan pemain utama industri papan lapis kerana ujian yang dilakukan di kilang pengeluaran produk tersebut tidak menunjukkan sebarang masalah.

Jelas Otono, setelah beberapa kajian dan pemeriksaan dilakukan, pihaknya mendapati kandungan formaldehid tersebut meningkat ketika proses penghangatran.

"Papan lapis yang telah melepas ujian JAS di kilang akan diantar menggunakan kapal dan diletakkan di dalam kontena.

"Ketika pelajaran, suhu di dalam kontena meningkat sehingga 40 hingga 50 darjah menyebabkan kandungan pencemaran formaldehid tersebut lebih aktif terbebas," katanya.

Tambahnya lagi, faktor perubahan suhu sememangnya memainkan peranan terhadap perubahan tersebut.

Contohnya jika pada keadaan normal kandungan pencemaran formaldehid sekitar 0.2 miligram per liter (mg/L) namun setelah terdedah dengan kenaikan



TAIKI OTONO

Headline	Cabaran eksport papan lapis ke Jepun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	10,11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	1290 cm²
Journalist	N/A	AdValue	PHP 25,496
Frequency	Daily	PR Value	PHP 91,095



PERMINTAAN
pasaran terhadap
kayu-kayan
sentiasa ada tetapi
cabarannya agak
besar. - Gambar hilas

suhu sehingga 40 darjah, kadarnya boleh meningkat sehingga 1.1 mg/L.

Kadar pencemaran tersebut meningkat sehingga 2.3 kali ganda daripada normal dan semakin tinggi kadar suhu semakin tinggi kadar pencemaran yang dicatatkan.

Justeru, apa yang perlu dilakukan oleh pengeluar papan lapis bagi mengatas masalah tersebut adalah dengan menukar jenis gam yang digunakan atau menyimpan produk tersebut dalam jangka masa yang agak panjang (sekurang-kurangnya dua bulan).

Antara lain bagi menjamin pasaran papan lapis terus relevan di Jepun adalah keperluan penggunaan cap (stamp) daripada JAS yang jelas pada setiap produk.

Penggunaan cap JAS bukan sahaja diwajibkan malah perlu jelas dan terang kerana pengguna terutamanya di negara matahari terbit tersebut amat teliti dalam menggunakan produk-produk yang diimport.

Alasannya adalah kerana sebagai pengguna, mereka tidak mengetahui kondisi kilang yang menghasilkan papan lapis tersebut dan bergantung sepenuhnya kepada bukti-bukti yang ditunjukkan pada produk.

Rata-rata pengguna adalah golongan yang amatur dan tidak memiliki pengetahuan yang begitu mendalam mengenainya. Oleh itu mereka meletakkan kepercayaan kepada sijil serta bukti seperti cap JAS semata-mata.

Justeru, pengilang perlu memastikan cap JAS tersebut perlu dicap dengan jelas dan sering menukarnya. Ini kerana getah pada cap tersebut mudah rosak terutamanya apabila digunakan pada permukaan kayu.

Terdapat pelbagai lagi perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengeluar kayu lapis berlamina bagi memastikan kerancakan permintaan di pasaran Jepun tidak tergendala.

Justeru menerusi seminar tersebut, pemain-pemain utama dalam industri papan lapis dapat mengetahui situasi dan keadaan sebenar pasaran di Jepun dan perlu berusaha untuk memperbaiki mutu pengeluaran setiap produk mereka.

